



JABATAN RADIOLOGI HOSPITAL UMUM SARAWAK



Kepada	Semua Ketua Jabatan (Seperti Senarai Edaran)	
Melalui	Pengarah Hospital	
Tajuk	Langkah-langkah Penambahbaikan Perkhidmatan Radiologi HUS	
Rujukan	HUS/RADIOLOGI/1025-P5 ()	Tarikh : 15 Mac 2018

Dengan hormatnya saya memohon perhatian Tuan/Puan kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, Jabatan kami ingin mengambil langkah-langkah penambahbaikan perkhidmatan Radiologi seperti berikut:

- 2.1 Borang permohonan X-ray mudah-gerak (**Portable X-ray**) ke Jabatan Radiologi utama dan Unit Radiologi A&E disertai **buku dispatch wad masing-masing untuk rekod masa penerimaan borang**.
- 2.2 Permohonan perkhidmatan Juru X-ray bagi **Mobile C-am Fluoroscopy (II)** di Dewan Bedah (Utama & Trauma) mesti ada **borang permohonan X-ray SEBELUM** prosedur bermula (Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984 [Akta 304]). Selain itu, senarai "**OT list with II**" dihantar sekurang-kurangnya **SEHARI** sebelum.
- 2.3 Mesyuarat Jawatankuasa Rekod Perubatan (Bil 2/1027) memutuskan **Laporan Radiologi TIDAK boleh diberi kepada pesakit**. Oleh itu, **hanya "Porter"** boleh mengutip filem "**bulk-tracing**" dan "**on the spot tracing**" dengan borang *Film Tracing* no siri: 81.2400.10 (pindaan 2016).
- 2.4 Diperingatkan, permohonan **Bulk Tracing** dari klinik pakar & RTU dihantar **SEMINGGU** sebelum tarikh temujanji pesakit ke klinik berkenaan.
- 2.5 Pihak kami **TIDAK** dapat mencetak filem untuk kes dibuat di hospital lain. "**Reprint**" filem /report hanya dibenarkan di atas sebab-sebab yang munasabah memandangkan kekurangan peruntukan .
- 2.6 *Softcopy* borang permohonan mencetak semula report/filem/burn CD boleh dimuat-turun di laman web rasmi Hospital Umum Sarawak.

Jabatan kami amat menghargai kerjasama daripada pihak Tuan/Puan demi menyediakan perkhidmatan Radiologi yang berkualiti kepada pelanggan.

Sekian, Terima Kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"PENYAYANG, PROFESIONALISMA DAN KERJA BERPASUKAN ADALAH BUDAYA KITA."

Saya yang menjalankan tugas ,

.....

(DR. MUADZAM BIN MOHAMAD)

Ketua Jabatan dan Pakar Perunding Kanan Radiologi,

Jabatan Radiologi,

Hospital Umum Sarawak, Kuching.